

POTENSI UKIRAN KAYU

FAUZI AB.LLAH

PKJ Pengajian Warisan/Pensyarah Kanan

Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

Abstrak

Bangsa Melayu merupakan satu bangsa yang kaya dengan adat serta budaya yang tinggi nilainya. Seni pertukangan juga menjadi teras utama kepada orang-orang Melayu terutamanya bagi penduduk di sebelah Pantai Timur. Kehalusan seni pertukangan ini menarik minat pelbagai golongan dan lapisan masyarakat termasuklah para pelancong dari luar negara. Hasil pertukangan yang halus dan konsep reka bentuk yang diilhamkan daripada elemen flora dan fauna merupakan faktor utama dalam penghasilan ukiran kayu.

Pelbagai usaha dan kajian telah di lakukan dalam memastikan seni ukiran ini akan terus wujud dan dihargai. Peranan yang dilakukan oleh Kraftangan Negara dan beberapa institusi lain bolehlah dianggap sebagai satu wadah baru dalam menjelmakan imej ukiran kayu di masa hadapan. Kalau dulu ukiran kayu boleh dilihat sebagai penghias dan juga aksesori di sesebuah rumah tradisional Melayu dan kini ia mula dikomersilkan tanpa meninggalkan elemen-elemen asal.

Potensi ukiran kayu mula di pandang serius dan ia telah menjadi *trend(gaya)* pada masa ini di mana ia mula dapat di lihat pada sebahagian sudut di dalam pembinaan sesebuah rumah yang berkonsepkan moden. Hiasan dalaman seperti perabot juga mula mendapat sentuhan ukiran kayu yang mana motif-motifnya telah diubah suai mengikut selera zaman. Landasan yang betul dan baik telah dibina oleh pengukir-pengukir seperti En. Latif Long, Nik Rashiddin dan Wan Su. Apa yang perlu dilakukan oleh pengukir-pengukir sekarang adalah dengan menjaga dengan baik dan memberi nafas baru dari segi pengkomersilan dan juga pasaran. Ukiran kayu pada masa sekarang seharusnya dijadikan sebagai satu perniagaan dan merupakan satu aset kepada pengukir itu sendiri dan bukanlah hanya sekadar hobi mengisi masa lapang.

Pengenalan

Ukiran kayu sememangnya terkenal di Semenanjung Malaysia terutamanya di negeri-negeri sebelah Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang. Hubungan rapat dengan Pattani yang merupakan pusat kegiatan seni ukir terkenal pada masa dahulu sedikit sebanyak telah mempengaruhi seni ukir di negeri-negeri tersebut.

Sebelum kedatangan Islam ke Tanah Melayu, kepercayaan terhadap animisme sangat meluas dan menjadi anutan kepada masyarakat pada masa itu dan secara tidak langsung ia telah meresap ke atas seni ukiran . Motif yang digunakan pada masa itu lebih kepada figura dan juga binatang. Apabila Islam mula memasuki Tanah Melayu, ajaran Islam mula meresapi pemikiran masyarakat pada masa itu dan secara tidak langsung Islam melarang penggunaan motif-motif figura dan binatang yang sememangnya bertentangan dengan akidah Islam. Islam menganjurkan penggunaan motif bunga-bunga, tumbuh-tumbuhan, geometri dan kaligrafi sebagai menggantikan apa yang telah dipraktikkan selama ini.

Hiasan dalaman dan luar bangunan terutamanya rumah tradisional mempunyai fungsi yang tersendiri. Ada hiasan yang di buat bagi memenuhi tuntutan spiritual, ada juga sebagai gambaran kepada status sosial, tanda peringatan, apresiasi dan pelbagai maksud lagi.

Lumrah bagi manusia yang sukakan pada keindahan dan kecantikan. Jadi tidak menjadi satu kehairanan apabila masyarakat dahulu mementingkan nilai-nilai tersebut dalam pembinaan sesuatu tempat kediaman.

Sesungguhnya Allah itu Maha indah dan suka kepada keindahan.

(hadis riwayat Muslim)

Mengikut Norhaiza Nordin dalam Seminar Seni Ukir Kayu Melayu: Warisan Nik Rashiddin Nik Hussein yang bertajuk Pengaruh Dalam Reka Bentuk Corak dan

Motif Seni Ukir kayu melayu, beliau mengklasifikasikan seni Ukiran Kayu terbahagi kepada dua bahagian iaitu Seni Ukiran Melayu Tradisi dalam bentuk Kontemporari dan Seni Ukiran Melayu Kontemporari. Seni Ukiran Melayu Tradisi dalam bentuk Kontemporari adalah merujuk kepada apa yang telah di mulakan oleh Nik Rashiddin dan diaplikasikan oleh pengukir sekarang mengikut zaman dan kehendak semasa tanpa menghilangkan yang asal. Manakala Seni Ukir Melayu Kontemporari pula adalah seni yang mementingkan pada keperluan waktu itu dan lebih kepada hiburan mata yang mana ia cantik dan indah apabila di lihat.

Potensi Ukiran Kayu

Ukiran kayu secara umumnya terbentuk dengan meluakkan bahagian-bahagian kayu dengan menggunakan teknik-teknik asas samada 'pahatan' atau 'rautan' sehingga menghasilkan satu rekacorak dengan gubahan motif flora ataupun fauna. Ia disusun mengikut rekabentuk, menjadi satu ragam hias yang sempurna hasil luahan perasaan dan idea pengkarya yang mampu ditafsirkan bukan hanya dengan pancaindera tetapi dengan akal dan jiwa. Gabungan antara rekacorak, motif, ragam hias dengan gaya sobekkan menepati konsep seni bina dalam konteks ukiran kayu melayu.

Tumbuh berpunca

Punca penuh rahsia

Tumbuh tidak menerjah kawan

Memanjat tidak memaut lawan

Tetapi melingkar penuh rahsia

Ungkapan ini menggambarkan betapa motif-motif semulajadi yang diolah oleh pengukir-pengukir lama amat mengagumkan. Rekabentuk pohon ukiran akan

berkembang dan bercambah dalam lingkaran 's' atau ombak dikenali sebagai awan larat. Falasafah yang di gunakan oleh pengukir-pengukir dahulu sememangnya meninggalkan impak yang besar ke atas seni ukir di Tanah Melayu sehingga kini.

Merujuk kepada Norhaiza Nordin yang mengklasifikasikan seni ukiran kayu kepada dua, di mana beliau menggambarkan seni ukiran kayu yang ada sekarang adalah lebih kepada Seni Ukiran Kayu Kontemporari. Tetapi ia tidak menjadi kesalahan kerana ia menggunakan gaya dan teknik yang sama cuma perubahan dilakukan dari segi gubahan pada corak yang lebih kontemporari bersesuaian dengan kehendak zaman sekarang. Berbeza pula dengan Seni Ukiran Kayu Tradisi, di mana ia masih lagi mernekalkan motif-motif asal yang dipengaruhi oleh Kerajaan Langkasuka.

Apabila berbicara tentang potensi ukiran kayu Melayu, sememangnya ia merupakan satu cabang seni yang dapat memberi imbuhan yang agak lumayan walaupun pulangan yang diterima agak perlahan. Permintaan terhadap ukiran kayu agak berkurangan kerana *trend*(gaya) masa kini lebih kepada kebaratan dan meminati rekaan yang agak mudah(*simple*). Tetapi bukan semua golongan yang sebegitu kerana kebanyakan rekaan rumah dan perabot telah mula memasukkan elemen ukiran kayu Melayu yang telah dilakukan kombinasi dengan ciri-ciri kemodenan.

Seni Ukiran Melayu Tradisi

Seni Ukir merupakan *cottage industry* bagi orang Melayu pada zaman dahulu. Namun ia tidaklah meluas dan hanya meliputi negeri-negeri di Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang sahaja. Corak yang terdapat pada ukiran ini adalah berbeza-beza diantara negeri-negeri ini. Mengikut Nik Rashiddin, seorang pengukir tersohor, perbezaan ini adalah disebabkan oleh ilham pengukir itu sendiri serta pengaruh alam terutamanya flora dan fauna. Corak-corak ini telah diwarisi secara turun temurun dari generasi ke generasi sehingga ke hari ini. Keasliannya

tetap dapat dikekalkan sehingga kini. Satu-satu penghasilan ukiran kayu itu dapat dikenali mengikut dan berdasarkan corak, bentuk dan keasliannya.

Jika dilihat hari ini sememangnya Ukiran Kayu Melayu tidak kira tradisi ataupun kontemporari mula mendapat tempat dihati peminatnya. Nilai-nilai estetik yang ada pada ukiran kayu ini mula dinilai apabila ada badan-badan kerajaan dan NGO mengambil langkah yang sewajarnya bagi memulihara warisan tradisi kita. Bahan yang digunakan itu sendiri juga menggambarkan betapa kita kaya dengan hasil hutan. Kayu seperti Cengal, Merbau, Balau, Seraya dan lain-lain lagi merupakan produk yang berkualiti dalam penghasilan ukiran kayu. Selain daripada bahan yang bermutu, kualiti dari segi ukiran juga menjadi faktor utama. Kehalusan pahatan oleh pengukir-pengukir kita menjadikan ia menjadi lebih sempurna.



Figure 1 : Panel siling motif Langkasuka



Figure 2 : Pagar Musang rumah Tradisional Terengganu

Sehingga kini masih ada rumah-rumah yang mengekalkan ukiran kayu yang bermotifkan motif tradisional dalam pembinaan sesebuah rumah. Liuk lentok sesebuah olahan pada ukiran kayu itu masih dikekalkan bagi menghidupkan suasana tradisional itu.

Seni Ukiran Kayu Kontemporari

Seni Ukiran Kayu Kontemporari adalah merujuk kepada ukiran kayu yang mengaplikasikan motif flora dan fauna mengikut citarasa sendiri dan permintaan semasa. Kebiasaannya ia dihasilkan mengikut kesesuaian tempat dan kehendak pelanggan. Biasanya proses penghasilannya, tidaklah terlalu lama berbanding penghasilan ukiran kayu tradisi. Ini kerana penggunaan teknologi terkini dan juga motif yang di gunakan adalah senang untuk diukir berbanding ukiran tradisi.

Aksesori dalaman rumah juga turut mengaplikasikan seni ukiran ini pada barangan seperti katil, lampu tidur dan pelbagai lagi hiasan dinding. Konsep pembinaan rumah juga berbeza dengan rumah moden yang ditambah dengan elemen tradisional yang menggunakan motif-motif yang telah diubah suai mengikut gaya terkini.




Figure 3 : Pagar Musang




Figure 4 :Contoh Motif Pagar Musang

Dari segi potensi Ukiran Kayu, penekanan yang boleh diambil adalah dari segi pembinaan dan aksesori rumah. Ini kerana jika hendak dibandingkan dengan Indonesia, mereka lebih menonjol dalam penghasilan produk dan lebih fokus dalam bidang itu. Kelebihan dari segi penghasilan rumah tradisional menjadi satu batu loncatan bagi kita untuk mempromosikan Seni ukiran Kayu ke persada dunia.

Cadangan dan Kesimpulan

Ukiran kayu sememangnya berpotensi tinggi kerana kehalusan dan nilai estetik yang dimiliki. Apa yang harus dijaga adalah kualiti dan juga penghasilannya. Ukiran Kayu akan lebih berpotensi apabila pelbagai langkah dan usaha dilakukan bagi mengelak daripada ia pupus dan ditelan zaman.

- 1- Setiap pengukir haruslah berpegang kepada landasan yang betul dan jangan hanya sebagai pengukir tangkap muat untuk mengaut keuntungan semata-mata. Dari aspek mana pun produk yang ingin dihasilkan ia bukan menjadi titik persoalan tetapi adakah ia melanggar estetika sebagai seorang pengukir

yang boleh disangkal oleh pihak-pihak lain dan itu yang menjadi pokok persoalannya sekarang.

- 2- Pihak kerajaan juga perlu diberi pujian dengan tertubuhnya Kraftangan Malaysia yang menjadi pusat bagi mempromosikan ukiran kayu secara komersial. Projek-projek seperti (SDSI), Satu Daerah Satu Industri juga merupakan pemangkin dalam mempromosikan seni ukiran kayu ini ke persada dunia. Walaupun begitu masih ada lagi pengukir yang bergerak secara sendirian dalam mempromosikan hasil kerja tangan mereka. Bagaimanapun setiap usaha itu adalah jalan keluar bagi meningkatkan taraf hidup dan terpulanglah pada pengukir itu sendiri mencorakkannya.
- 3- Meningkatkan lagi usaha dari segi promosi, penyelidikan, pembaharuan, pengumpulan data dan pelbagai seminar. Usahasama di antara Nik Rashiddin Resource Centre, Universiti Malaysia Kelantan, Institut Alam & Tamadun Melayu Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia, patut dijadikan contoh sebagai pemangkin dalam usaha untuk memulihara Seni Ukiran Kayu Tradisi.
- 4- Pihak kerajaan, organisasi, NGO dan juga pengukir-pengukir seluruh Malaysia patut menyertai seminar dan pameran kerana ia adalah ilmu yang sangat bernilai. Di tempat sebeginilah yang patut diperbincangkan mengenai halatuju dan juga potensi ukiran kayu ini.
- 5- Pengukir-pengukir juga perlu bergabung dan mungkin mempunyai persatuan sendiri seperti mana persatuan-persatuan seni yang lain. Dengan ini warisan ini akan lebih terbela walaupun kita semua tahu suatu hari nanti tidak mustahil ia akan lenyap begitu sahaja jika tidak ada lagi orang yang mahu meneruskan usaha ini.
- 6- Promosi melalui jalur lebar(internet) juga boleh mendatangkan keuntungan kerana ia sudah menjadi global dan dengan mudah dipasarkan ke peringkat antarabangsa.
- 7- Ukiran Kayu Melayu sepatutnya dijadikan silibus ataupun program dalam bidang pendidikan. Di peringkat Sekolah Menengah ia patut masukkan ke

dalam matapelajaran Kemahiran Hidup sebagai asas kepada pelajar dan secara tidak langsung pengenalan 'apa itu Seni Ukiran Kayu Melayu'. Institut Kemahiran yang ada di Malaysia juga perlu menghidupkan kembali kelas-kelas Ukiran Kayu agar ia tidak pupus begitu sahaja. Begitu juga dengan pusat pengajian Tinggi Awam dan Swasta harus mengambil langkah yang sewajarnya dengan memasukkan Seni Ukiran Kayu Melayu ini ke dalam sistem pendidikan.

- 8- Pihak Kerajaan boleh menetapkan agar setiap bangunan yang dibina di dalam negara yang melebihi kos pembinaan RM 5,000,000.00 ke atas haruslah menyelitikan elemen-elemen Ukiran Kayu Melayu dan secara tidak langsung ia akan menjadi aset kepada bangunan tersebut.
- 9- Pengukir-pengukir yang ingin mengkomersilkan produk keluarannya haruslah patenkan(*pattern*) agar ia tidak ditiru dan hak pengeluaran menjadi hak pengukir tersebut.
- 10-Projek-projek kerajaan dan juga badan swasta seperti SDSI(Satu Daerah Satu Industri) dan pelbagai lagi patut diteruskan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa

Warisan kita seharusnya dijagai dan di simpan sebaik mungkin agar potensinya tidak terkubur begitu sahaja. Walaupun pelbagai produk telah dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha ukiran, tetapi harus diingat jika tiada yang lama maka tidak akan ada yang baru. Jadi kekalkanlah apa yang ada dan perbaharuilah dengan sempurna agar warisan itu terus kekal dan mekar selamanya.

Bibliografi

- Zulkifli Hanafi, Pola-pola hiasan di dalam Bangunan Tradisi melayu-

Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur-2000

- Mustapha Mohammad, Perkembangan Seni Ukir- Warisan Kelantan 1

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan 1998

-Norhaiza Nordin, Pengaruh Dalam Reka Bentuk Corak dan Motif Seni Ukir Kayu Melayu-Seminar Seni Ukir Kayu Melayu: Warisan Nik Rashiddin Nik Hussein

-Puan Rosnawati Othman, motif Langkasuka Asal Usul reka Bentuk Seni Ukir Melayu- Seminar Seni Ukir Kayu Melayu: Warisan Nik Rashiddin Nik Hussein

-Prof.Madya Hj.Abdul Aziz Shuaib, Nilai Estetika Dalam Seni Ukir Melayu di Pantai Timur semenanjung Malaysia- Seminar Seni Ukir Kayu Melayu: Warisan Nik Rashiddin Nik Hussein

- Farish A.Noor and Eddin Khoo(2003)-(Spirit of Wood)-The Art of Malay Woodcarving, Peripulus Edition (HK)Ltd.

-Ismail R.Al Faruqi and Loui Lamy Al Faruqi (1992), Atlas budaya Islam, Ed Terjemahan BM Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia